



# Penggunaan Tangkal dalam Masyarakat Melayu-Islam

Mohd Shukri Hanapi

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia

**P**enggunaan tangkal atau *tamimah* dalam bahasa Arab telah lama berakar umbi dalam masyarakat Melayu, malah masih banyak digunakan hingga hari ini. Adapun dalam masyarakat Arab, tangkal diberikan dengan berbagai-bagai nama, antaranya termasuklah *al-hirz* atau *al-hijab* yang bermaksud pelindung.



Kebiasaannya tangkal ini diikatkan pada leher, pergelangan tangan, pinggang dan kaki kanak-kanak mahupun orang dewasa. Antara tujuan penggunaannya termasuklah untuk mengelakkan daripada gangguan jin, iblis, sawan, cacing dan sakit. Selain itu, tangkal juga digunakan sebagai pelaris perniagaan bagi golongan peniaga.

Meskipun tujuan penggunaannya menampakkan kebaikan walaupun sedikit, namun dari perspektif tasawur Islam menggunakan dan mempercayai tangkal termasuk dalam perbuatan syirik. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang memakai tangkal hatinya sudah tentu yakin dan percaya terhadap kekuatan tangkal itu. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya jampi, tangkal dan sihir merupakan syirik." (Hadis riwayat Abu Dawud).

'Uqbah bin 'Amir meriwayatkan bahawa ada sepuluh orang telah datang untuk berbaiah dengan Rasulullah SAW. Namun begitu, Baginda hanya menerima sembilan orang sahaja daripada mereka, manakala seorang lagi tidak diterima. Kemudian, ada dalam kalangan mereka bertanya, "Mengapakah dia tidak diterima?" Rasulullah SAW menjawab, "Kerana di lengannya terdapat tangkal." Setelah lelaki tersebut memotong tangkal yang dipakainya, barulah Rasulullah SAW menerima baiahnya. Seterusnya, Baginda bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang menggantungkan tangkal, sesungguhnya dia telah syirik." (Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim).

Pada hakikatnya, tangkal tidak memberikan apa-apa pun manfaat kepada pemakainya, malah menjauhkan lagi daripada sesuatu yang dihajatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang hamba itu boleh berdoa dan memohon secara terus kepada Allah SWT akan sesuatu yang dihajatnya tanpa menggunakan perantaraan atau jalan tengah. Apabila seseorang itu menggunakan perantaraan, maka Allah SWT bukan sahaja tidak akan memperkenankan hajatnya, malah dijauhkan-Nya daripada hajat tersebut.

Diriwayatkan daripada 'Imran bin Hussin bahawa Rasulullah SAW telah melihat seorang lelaki memakai gelang berwarna kuning di lengannya, lalu Baginda bertanya, "Apakah ini?" Lelaki itu menjawab, "Saya memakainya kerana bahu saya mengalami sengal-sengal." Lalu Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya benda itu tidak memberikan apa-apa kesan kecuali kelemahan. Oleh itu, lucutkanlah gelang itu dari lenganmu. Sesungguhnya, jika engkau mati dan benda itu (tangkal) masih berada di badanmu, nescaya engkau tidak akan bahagia selamanya." (Hadis riwayat Ahmad).

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang menggantungkan tangkal dan azimat, maka Allah tidak akan menyempurnakan baginya (hajatnya), dan sesiapa yang menggantungkan cengkerang siput (jenis tangkal), maka semoga Allah tidak mententeramkan baginya (dengan siput tersebut)." (Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim dan Ibn Hibban).

Demikianlah pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat. Pendidikan ini dapat mempengaruhi jiwa para sahabat sehinggakan mereka menentang keras segala kesesatan dan kebatilan yang berlaku. Mereka tidak mempercayai sesuatu selain daripada Allah SWT.

Diriwayatkan bahawa pada suatu ketika Abdullah bin Mas'ud masuk ke rumahnya. Lalu, Abdullah terlihat isterinya ada memakai kalung (tangkal), lalu dia menarik tangkal tersebut dan memotong-motongnya. Kemudian Abdullah berkata, "Keluarga Abdullah harus jauh daripada mensyirikkan Allah dengan sesuatu perkara." Abdullah bin Mas'ud menjelaskan lagi dengan berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, 'Sesungguhnya tangkal, azimat dan pengasih merupakan syirik.'" (Hadis riwayat Ibn Hibban).

Demikian juga dalam kalangan golongan tabiin, mereka sentiasa menentang segala kesyirikan dan kebatilan. Sa'id bin Jubair berkata,



**Ketika Rasulullah SAW menegah seorang lelaki memakai tangkal, baginda tidak pun berkata kepadanya adakah tangkal itu daripada al-Quran atau tidak. Sebaliknya, baginda menegah semua jenis tangkal dalam apa-apa jua bentuknya.**

“Sesiapa yang menanggalkan tangkal dari leher seseorang, maka seolah-olah dia membebaskan seseorang hamba.”

Isa bin Hamzah pula menceritakan bahawa suatu ketika dia pernah masuk ke dalam rumah Abdullah bin Hakam. dia melihat terdapat tanda merah pada diri Abdullah, lalu dia bertanya, “Apakah kamu memakai tangkal?” Jawab Abdullah, “Lebih baik aku mati daripada bertangkal, sebab Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud, ‘Sesiapa yang memakai sesuatu (tangkal), maka dia akan dibebaninya.’” (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Demikianlah sikap para sahabat dan tabiin terhadap sesuatu perkara yang ditegah oleh Rasulullah SAW. Mereka amat berhati-hati dengan setiap perkara yang bersangkutan dengan akidah. Malah, mereka menerima segala didikan Rasulullah SAW dengan hati yang terbuka tanpa mempersoalkannya.

Berhubung jenis tangkal daripada ayat al-Quran, ada sesetengah ulama membenarkan penggunaan dan pemakaianannya. Namun begitu, al-Qaradawi dalam bukunya *Halal dan Haram dalam Islam* berpendapat penggunaan tangkal daripada ayat al-Quran juga wajar dilarang. Dalil-dalil yang dikemukakan oleh beliau ialah:

- Hadis yang menegah amalan bertangkal adalah dalam bentuk umum. Hadis tersebut tidak membezakan antara satu bentuk tangkal dengan tangkal yang lain. Ketika Rasulullah SAW menegah seorang lelaki memakai tangkal, Baginda tidak pun berkata kepadanya adakah tangkal itu daripada al-Quran atau tidak. Sebaliknya, Baginda menegah semua jenis tangkal dalam apa-apa jua bentuknya.



- Berdasarkan prinsip *sadd al-Zarai'* (menutup pintu keburukan). Sesungguhnya, sesiapa yang memakai tangkal daripada ayat al-Quran sudah tentu dia akan menggantungkan tangkal yang lain pula. Orang yang melihatnya tidak akan mengetahui sama ada tangkal itu al-Quran ataupun tidak.
- Pemakaian tangkal ini merupakan satu bentuk penyalahgunaan al-Quran. Pemakai tangkal akan memasuki tandas, beristinjak, qada hajat dan berada dalam keadaan *janabah* atau haid bagi wanita, sedangkan tangkal itu sentiasa tergantung pada badannya.

Berdasarkan hujah tersebut, menggunakan dan mempercayai tangkal amat dilarang. Larangan ini tidak mengira apa-apa jua bentuk tangkal, sama ada daripada ayat al-Quran atau tidak. Ibrahim al-Nakha'i berkata, "Mereka (para sahabat) membenci tangkal dalam apa-apa jua bentuknya, sama ada daripada al-Quran atau bukan daripada al-Quran."

Sememangnya, mempercayai atau bergantung harap pada tangkal menyebabkan akidah seseorang itu rosak. Hal ini dikatakan demikian kerana jelas wujudnya elemen penyekutuan Allah SWT dengan sesuatu yang lain. Mentauhidkan Allah SWT merupakan ajaran Islam yang terpenting. Prinsip tauhid yang utama ialah keyakinan sepenuhnya bahawa tidak ada sesuatu yang dapat memberikan sebarang kemanfaatan atau menolak kemudaratan melainkan Allah SWT.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Dia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Dialah Maha Kuasa ke atas tiap-tiap sesuatu. Dan Dialah yang Berkuasa ke atas sekalian hamba-Nya (dengan takdir dan takdir); dan Dialah Yang Maha Bijaksana serta Amat Mendalam Pengetahuan-Nya." (*Surah al-An'am* 6:17-18).

Oleh itu, jelaslah bahawa akidah merupakan perkara yang amat penting dalam agama Islam. Hal akidah tidak boleh dipersendakan atau dipermainkan sama ada dengan hati, perkataan mahupun perbuatan.

Perlu diingatkan bahawa dosa mensyirikkan Allah ialah dosa yang paling besar. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan yang sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar." (*Surah al-Nisa'* 4:48).

Firman-Nya lagi yang bermaksud, "Dan (ingatlah) tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberikan nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain) sesungguhnya perbuatan syirik itu satu kezaliman yang besar." (*Surah Luqman* 31:13).

Dalam sebuah hadis qudsi yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. katanya, Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Allah SWT berfirman yang maksudnya, 'Wahai anak Adam! Sesungguhnya selama engkau berdoa dan berharap kepada-Ku, Aku akan mengampunimu atas dosa yang ada padamu dan Aku tidak peduli wahai anak Adam! Walaupun dosamu telah sampai ke langit, kemudian engkau memohon keampunan-Ku, nescaya Aku ampunimu. Dan Aku tidak peduli wahai anak Adam! Sesungguhnya jika engkau datang kepada-Ku dengan kesalahan sepenuh bumi, kemudian itu engkau menemui Aku padahal engkau tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu pun, nescaya Aku berikan kepadamu keampunan dengan sepenuh bumi.'" (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa dosa yang bukan kerana mensyirikkan Allah SWT masih ada harapan untuk mendapatkan keampunan daripada-Nya. Hal ini menunjukkan rahmat dan belas kasihan Allah SWT kepada orang yang melakukan dosa, asalkan bukan dosa mempersekutukan-Nya.

Oleh hal yang demikian, menjadi kewajipan kepada setiap umat Islam untuk menghindari perkara yang boleh membatalkan iman. Segala hal ehwal kehidupan hendaklah bertunjangkan al-Quran dan sunah, serta sentiasa berpegang teguh pada akidah dan syariat Islam. 